

RM100j bina pusat pelupusan sanitari

BH 14.1.2008 M/S 17
Sarawak sedia 5 tapak urus sisa pepejal sejak 2003

Oleh Kandau Sidi

BEKENU: Kerajaan negeri membelanjakan lebih RM100 juta untuk menyediakan lima tapak pelupusan sanitari di negeri ini, sejak lima tahun lalu.

Menteri Muda Alam Sekitar Sarawak, Dr Abang Abdul Rauf Abang Zen, berkata lima tapak sanitari itu ialah Kemunyang di Sibu, Sibuti (Miri), Mambong (Kuching), Maradong (Sarikei) dan Kampung Sadir (Padawan).

Katanya, tapak pelupusan sanitari di Mambong yang dibina dengan kos RM60 juta adalah antara yang terbaik di negara ini.

"Kerajaan negeri sudah berbelanja besar bagi memastikan sisa pepejal dari kawasan perumahan, komersial, industri dan perladangan diurus secara selamat dan sistematik," katanya pada sidang media selepas me-

lawat tapak pelupusan sanitari Sibuti dekat sini, semalam.

Selain itu katanya, Sarawak mempunyai 47 tapak pelupusan sampah terbuka dengan keluasan kawasan keseluruhan kira-kira 375 hektar.

"Setiap tahun ia menampung kira-

“Sarawak mempunyai 47 tapak pelupusan sampah terbuka dengan keluasan kawasan keseluruhan kira-kira 375 hektar”

**Dr Abang Abdul Rauf
Abang Zen**
Menteri Muda Alam Sekitar Sarawak

kira 888,410 metrik tan sisa pepejal domestik yang dibuang di situ," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata, 26 daripada 47 tapak pelupusan sampah terbuka itu kini hampir mencapai kapasiti penuh dan akan ditutup dalam masa terdekat.

"Tapak pelupusan Kuala Baram di Miri adalah satu projek perintis untuk ditutup secara sempurna dan di-baik pulih untuk penggunaan lain," katanya.

Dr Abang Abdul Rauf berkata, ketika ini pihak berkuasa tempatan (PBT) berdepan banyak cabaran dalam menguruskan operasi tapak pelupusan sampah.

"Ini termasuklah kekurangan sumber kewangan, geran kerajaan yang rendah, pungutan cukai yang rendah dan bajet yang rendah untuk pengawalan alam sekitar," katanya.